

Pertemuan Mengenai Manuskrip Melayu 10 Oktober 1983: Dewan Bahasa dan Pustaka

oleh
Ibrahim bin Ismail*

Pertemuan julung kali khusus mengenai manuskrip Melayu ini dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Ia dirasmikan oleh YB Encik Anwar Ibrahim, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dua buah kertaskerja telah dibentangkan untuk bahasan.

1. Strategi perolehan, pengawetan dan pendokumentasian manuskrip Melayu, oleh Siti Hawa Saleh, Abu Hassan Sham dan Harun Mat Piah, disampaikan oleh Profesor Madya Siti Hawa Saleh dengan dipengerusikan oleh Profesor Mohd Taib Osman.
2. Masalah manuskrip di Malaysia dan masa depannya, oleh Aziz Deraman disampaikan oleh penulis sendiri dengan Profesor Ismail Hussein sebagai pengerusi sesi.

SOROTAN

Siti Hawa Saleh dan rakan-rakannya membicarakan secara ringkas maklumat mengenai adanya tulisan-tulisan kuno di alam Melayu yang lebih tepat ditakrifkan sebagai prasasti atau batu bersurat hingga kepada tulisan-tulisan pada permukaan bahan-bahan tempatan yang mudah alih seperti deluang, daun lontar, kulit kayu dan buluh. Beberapa penulis silam yang menyebut tentang wujudnya manuskrip-manuskrip Melayu atau pernah menggunakan bahan-bahan itu serta mengumpulkannya juga disebut bersama karya-karya mereka yang mengandungi maklumat tersebut.

Beberapa buah perpustakaan di Eropah yang mewarisi manuskrip-manuskrip Melayu daripada pengumpul-pengumpul Eropah disenaraikan.

Masalah perolehan dibahagi kepada dua. Yang pertama ialah manuskrip-manuskrip yang masih ada dalam simpanan peribadi – di istana, dalam koleksi pembesar negeri, sekolah pondok dan individu-individu. Perkara yang dikhuatiri ialah bahawa bahan-bahan ini tidak terjaga seperti mana dikehendaki dan dengan demikian menjadi mangsa kehancuran diri akibat faktor-faktor dalam dan luar. Yang sangat memilukan ialah berita-berita yang sampai ke telinga kita bahawa manuskrip-manuskrip serta bahan-bahan persuratan lain peninggalan seseorang “menjadi mangsa unggun api” kerana tiada guna kepada pewaris yang menganggapkannya sebagai satu beban. Di antara pendekatan yang disyorkan dalam hubungan ini ialah penubuhan sebuah institusi yang khusus bagi manuskrip dengan kemudahan simpanan, peliharaan dan pengajian; menubuhkan suatu dana bagi maksud perolehan manuskrip-manuskrip; penggubalan undang-undang untuk menyekat penghijrahan manuskrip; tugas institusi berkenaan berkaitan dengan usaha gigih untuk memperolehi manuskrip. Bagi manuskrip yang berada di luar negeri, strategi perolehan adalah berdasarkan pada pembelian yang asal dan mendapatkan salinan. Ini boleh dilakukan melalui perjanjian kebudayaan dengan kerajaan-kerajaan negeri yang memiliki manuskrip-manuskrip Melayu.

Setelah diperolehi, manuskrip-manuskrip tersebut perlu dijaga dengan baik supaya usaha yang dicurahkan untuk mendapatkannya tidak tersia-sia. Berbagai cara dikemukakan yang bermaksud memelihara keutuhan yang asal di samping menyediakannya untuk kajian.

Bahagian berkenaan pendokumentasian telah ditulis dengan amat jelas dengan memperingatkan semua pihak yang giat memperolehi manuskrip-manuskrip supaya menyediakan pendokumentasian-

* Ketua, Bahagian Koleksi Kebangsaan.

nya dengan bersungguh-sungguh supaya maklumat berguna ini diketahui umum. Penulis-penulis telah mempertengahan keadaan yang kurang memuaskan tentang koleksi manuskrip di dua buah pusat yang mempunyai manuskrip-manuskrip teks yang tiada dalam simpanan lain. Satu senarai semak perkara-perkara yang perlu dititikberatkan dalam kerja pendokumentasian juga diberikan diikuti dengan tiga contoh cara-cara pendokumentasian boleh dilakukan, iaitu, secara perinci, secara ringkas dan secara deskriptif. Saranan terakhir menggesa supaya pintu khazanah dibuka kepada umum, khususnya pengkaji-pengkaji *bona fide* yang dapat membantu usaha pendokumentasian itu sendiri melalui pengajian mereka.

Aziz Deraman pula menggariskan hujah-hujah mengenai kepentingan manuskrip-manuskrip Melayu sebagai "warisan tamaddun dan sumber rujukan keilmuan yang tidak ternilai manfaatnya". Seterusnya beliau memberikan secara ikhtisar kedudukan koleksi-koleksi manuskrip Melayu di merata dunia. Sekembali kepada kedudukan koleksi-koleksi di Malaysia, beliau melahirkan perasaan kesal kerana ketiadaan "satu senarai induk manuskrip". Beliau juga menyebut tentang pengwujudan sebuah Jawatankuasa Menyusun Katalog Induk Manuskrip Melayu Lama dengan memberikan nama-nama anggotanya. Beliau, seperti penulis-penulis kertaskerja pertama, menyarankan perlunya diadakan usaha-usaha pengawetan serta menyentuh tentang nasib manuskrip-manuskrip dalam pegangan orang-orang persendirian sebagai pesaka keluarga. Selanjutnya beliau menggesa penggembelangan tenaga dan usaha untuk memperolehi bahan-bahan manuskrip berlandaskan fungsi dan tugas masing-masing jabatan.

Di antara cadangan yang dikemukakan ialah penubuhan sebuah konsortium manuskrip Melayu dengan tugas "mengenal pasti tebaran manuskrip di merata dunia dan bertindak menyampaikan pandangan, nasihat dan syor berhubung dengan pemuliharaan termasuk perolehan, penyalinan dan sebagainya". Yang kedua ialah menjadikan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai "saluran perolehan dan penyimpanan manuskrip teks Melayu" dengan makna ia "menjadi pusat dokumentasi manuskrip di Malaysia". Cadangan ini walaubagaimanapun tidak

akan menjejaskan kewibawaan institusi-institusi lain. Yang ketiga ialah persediaan sebuah *Katalog Induk* manuskrip dengan kerja-kerja penyelarasan di bawah Perpustakaan Negara Malaysia. Yang keempat ialah penubuhan dana untuk perolehan manuskrip. Cadangan terakhir menyentuh langkah-langkah mendirikan makmal-makmal untuk kerja-kerja pengawetan dan pemuliharaan.

Satu lampiran bertajuk 'Senarai Negara/Institusi yang mempunyai manuskrip Melayu' mengakhiri kertaskerja yang penuh semangat lagi bernas ini.

RUMUSAN

Di akhir pertemuan, beberapa rumusan telah dipersetujui. Memandangkan pentingnya rumusan-rumusan ini kepada arah tujuan semua yang terlibat dalam kerja murni ini demi memelihara satu jenis warisan budaya yang tak ternilai, maka diperturunkan seluruh teks asalnya untuk renungan sama:

I. Definisi Manuskrip Melayu

Apa-apa tulisan jawi/rumi berbahasa Melayu yang ditulis dengan tangan di atas bahan-bahan seperti kertas, kulit, daun lontar, buluh, gading, kayu, kain dengan isi kandungan dan jangka waktu yang tidak terbatas*

II. Menggesa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya:-

1. Menubuhkan satu konsortium manuskrip Melayu di peringkat Kebangsaan dengan keahlian yang terdiri dari para sarjana pengajian Melayu, pustakawan, kurator Muzium dan wakil-wakil institusi yang tertentu yang berminat dalam manuskrip Melayu dengan urus-tianya di Perpustakaan Negara Malaysia.

1a. Konsortium hendaklah mengadakan kempen besar-besaran untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya manuskrip Melayu kepada negara. Melalui kempen ini diharapkan akan melahirkan kesedaran kepada orang-orang perseorangan supaya menyerahkan bahan-bahan kepada pihak yang tertentu. Sehubungan dengan itu, satu pameran manuskrip di peringkat Kebangsaan perlu diadakan juga.

* Dalam definisi yang lebih luas manuskrip Melayu bolehlah dianggap termasuk prasasti, batu nisan (khusus untuk perolehan Muzium) yang ditulis di dalam bahasa-bahasa lain yang berkait rapat dengan bahasa Melayu)

1b Konsortium hendaklah juga mencari se-orang tokoh/penaung yang boleh menghubungi kerabat-kerabat diraja untuk mendapatkan manuskrip atau maklumat yang ada mengenai koleksi manuskrip di istana-istana.

1c Konsortium hendaklah menggalakkan usaha-usaha penyelidikan terhadap manuskrip Melayu dan menerbitkan hasil kajian yang baik itu.

2. Meningkatkan taraf Perpustakaan Negara Malaysia sesuai dengan peranannya sebagai '*Pusat Dokumentasi Manuskrip Melayu*' untuk membolehkan pusat tersebut mewujudkan bank data mengenai manuskrip Melayu.
3. Perpustakaan Negara Malaysia memberikan keutamaan kepada projek '*Katalog Induk Manuskrip Melayu*' dengan mendapatkan kerjasama dari pakar-pakar pengajian Melayu dan institusi-institusi tempatan.
4. Mewujudkan sumber kewangan atau tabung khas bagi maksud menyediakan kewangan yang kukuh untuk pemeliharaan, pembelian dan perolehan manuskrip Melayu dari dalam dan luar negeri.
5. Perpustakaan Negara Malaysia mengadakan selengkap mungkin makmal awetan untuk pemeliharaan manuskrip yang boleh digunakan oleh institusi-institusi yang mempunyai manuskrip.
6. Mengkaji semula "*Antiquities Act*" dan "*Akta Perpustakaan Negara*" untuk melindungi manuskrip Melayu daripada dibawa keluar dari Malaysia.
7. Mengadakan perjanjian kebudayaan dengan negara-negara yang menyimpan manuskrip Melayu untuk mendapatkan kembali manuskrip tersebut atau salinannya.

PADA PENDAPAT SAYA:

1. Semua peserta amat bertuah kerana dapat melihat satu pameran bahan-bahan berbentuk manuskrip yang beraneka rupa dalam simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Mereka juga mendapat senaskah *Katalog Manuskrip di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka* yang diterbitkan bersempena dengan Pertemuan ini. Ucapan syabas ditujukan kepada Puan Rohani Rustam dan pegawai-pegawai beliau yang bertungkus-lumus dalam menyediakan sebuah kata-

log yang bermutu tinggi. Usaha cemerlang ini mungkin menjadi contoh baik kepada institusi-institusi lain yang belum menerbitkan katalog koleksi mereka. Usaha ini juga sedikit sebanyak telah menyahut seruan para penulis kertaskerja mengenai kerja-kerja pendokumentasian yang perlu dijalankan atas bahan-bahan dalam simpanan.

3. Perolehan manuskrip-manuskrip dalam simpanan peribadi bukanlah bergantung semata-mata pada persediaan suatu dana yang besar. "Dana" yang paling bernilai ialah budibahasa dan sopan santun ditambah dengan sikap jujur dan beramanah. Saya berani mengatakan ini berdasarkan pengalaman sendiri. Pernah dikeluh kepada saya bagaimana sikap setengah pelajar yang meminjam bahan-bahan bernilai untuk "tesis" mereka tetapi tidak dikembalikan. Tuan punya bahan menjemput tetamunya dari institusi pengajian tinggi dengan penuh hormat; ditunjukkan kepada mereka koleksinya; ke dapur sebentar untuk menyediakan jamuan; malangnya tetamu terhormat tidak beramanah. Dikoyakkan halaman-halaman yang dikehendaknya! Ada pula tetamu yang berpangkat yang menggunakan nama institusinya untuk mendapatkan bahan-bahan tetapi apabila membawa pulang menjadikannya hak peribadi. Yang curang seperti ini hanya segelintir sahaja tetapi pepatah mengatakan kerana nila setitik rosak susu sebelanga.
4. Bahan-bahan yang ada dalam simpanan peribadi tidak mestinya dijadikan hak orangramai. Maksud saya di sini ialah bahan-bahan itu biarlah tetap dengan tuannya. Yang kita perlukan ialah salinannya dengan catatan lengkap mengenai rupa asalnya dan alamat empunya. Salinan pula mestilah melalui mikro dan bukan fotokopi. Ini ialah untuk menjamin keutuhan yang asal. Sebagai balasan, institusi yang meminjam hendaklah memperbaiki yang asal dengan cara-cara tertentu supaya tuannya bangga mendapatkan kembali haknya dalam bentuk dan keadaan yang menarik. Jika dahulu bahan pesaka disimpan di bawah katil, sekarang ia akan menghiasi almari di ruang tetamu rumah.
5. Manuskrip-manuskrip Melayu simpanan di luar negeri boleh didapati dalam bentuk salinan mikro. Tetapi tidak semestinya semua jabatan kerajaan, pusat penyelidikan dan institusi pengajian tinggi mempunyai satu salinan. Memadailah

satu atau dua pusat utama mendapatkan salinan dan yang lain bergantung pada sumber-sumber ini melalui saluran-saluran yang sedia ada. Selain dari menjimatkan wang, cara ini juga tidak membebankan rakan-rakan sejawat kita di luar negeri yang kebanyakannya mempunyai masalah yang sama seperti kita, iaitu kekurangan tenaga kerja dan kesuntukan masa untuk melayani pesanan-pesanan yang berpuluh-halaman, lagi dari beberapa peminta dari sebuah negara pula!

6. Persediaan Katalog Induk tidak boleh dibuat secara sambilan dengan bergantung pada budi baik dan melalui surat-menyurat. Mereka yang telah dipertanggungjawabkan dengan tugas berat ini dan sedia memikulnya mestilah ber-

sedia untuk meninggalkan pejabat mereka dan menjelajah dari satu koleksi ke sebuah koleksi lain; memeriksa dengan sendiri tiap-tiap butiran yang disediakan, dan jika perlu melihat dengan sendiri manuskripnya. Ini sudah tentu akan makan masa dan menelan belanja yang besar. Tetapi hasilnya akan membanggakan. Apabila Katalog Induk telah dikumpulkan, ia boleh dijadikan satu database. Maklumat tambahan yang diperolehi kemudian dimasukkan bila-bila sahaja. Cetakan kemaskini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa samada *cara printout* atau dalam bentuk *COM (Computer Output Microfiche)* dan diedarkan kepada semua institusi berkenaan dalam negara.